



**SETIAUSAHA**  
 Secretary  
**SURUHANJAYA PERKHIDMATAN PELAJARAN**  
 Education Service Commission  
 ARAS 3, BLOK B3  
 KOMPLEKS JABATAN PERDANA MENTERI  
 PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN  
 62526 PUTRAJAYA



Telefon : 03-8871 7334  
 03-8871 7333  
 Faks : 03-8871 7497  
 Web : http://www.spp.gov.my



*K. u. l. Admaha*  
*u. k. e. P. u. h. a. t. i*  
*B. 1. 4. 1. 4*

Ruj. Kami: SPP.220/74/57 Jld.7(53)  
 Tarikh: 29 Mac 2019

PEJABAT PENGARAH JABATAN PENDIDIKAN NEGERI KEDAH			TP
<input checked="" type="checkbox"/> Tindakan	<input type="checkbox"/> Ditahajir	<input type="checkbox"/> Fail	KSPS
<input type="checkbox"/> Makluman	<input type="checkbox"/> Sta. Binas	<input type="checkbox"/> Sclaran	KSPA
Nota : 08 APR 2019			KSPK
			KSK2P
			KSP
			KSPI
			KSJK
			KSPMICT
			KSPSPK
			KSP&K
			KPPBTPN
			IA

**SENARAI EDARAN SEPERTI DI LAMPIRAN**

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**PEMERHATIAN SURUHANJAYA TERHADAP ISU KESILAPAN PERAKUAN OPSYEN BAGI SKIM KWSP SECARA ATAS TALI MELALUI SISTEM ePROPER OLEH KETUA JABATAN**

Dengan segala hormatnya saya merujuk perkara di atas. Perhatian YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan ke atas perkara ini sangat dihargai.

2. Sebagaimana YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan sedia maklum, Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) telah menguatkuasakan pelaksanaan Sistem ePROPER sepenuhnya bagi urusan perkhidmatan Anggota Perkhidmatan Pendidikan (APP) mulai 1 Ogos 2018. Pengesahan Dalam Perkhidmatan (PDP), merupakan salah satu modul Sistem ePROPER yang memerlukan pegawai membuat pilihan dalam Borang Opsyen bagi Skim KWSP sepertimana ditetapkan dalam Subseksyen 6A(1) Akta Pencen 1980 (Peraturan 37) Jadual Kelima. Pegawai perlu membuat opsyen sama ada memilih Skim KWSP atau sebaliknya menolak Skim berkenaan. Implikasi bagi pegawai yang menolak Skim KWSP, pegawai tersebut akan kekal dengan Skim Pencen.

3. Berikutan itu, SPP dalam sesi taklimat pelaksanaan Sistem ePROPER telah meminta pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan yang bertindak selaku Pengguna (Penyedia, Penyemak dan Peraku) sistem ini supaya **memberi perhatian utama semasa menguruskan modul PDP terutamanya dalam mengesahkan pemilihan opsyen bagi Skim KWSP yang dibuat oleh pegawai.** Ini adalah disebabkan pemilihan opsyen yang telah dibuat oleh pegawai adalah muktamad selaras dengan Perenggan 6(vii), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 – Tawaran Opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

(Sila nyatakan No. Rujukan Suruhanjaya ini apabila berhubung)  
 "DINAMIK, EFEKTIF DAN BERINTEGRITI"



*PPT 3*  
*u. k. e. p. u. h. a. t. i*  
*16*  
*11/4*

4. Walau bagaimanapun, sejak kebelakangan ini Suruhanjaya ini telah menerima permohonan daripada Ketua Jabatan supaya opsyen Skim KWSP yang diluluskan oleh SPP kepada pegawai di bawah seliaan mereka dipinda atas alasan berlaku kesilapan semasa Ketua Jabatan membuat perakuan melalui Sistem ePROPER. Keadaan ini hanya disedari apabila pegawai yang terlibat membuat semakan ke atas kelulusan PDP dan mendapati opsyen Skim KWSP yang diluluskan oleh SPP bercanggah dengan opsyen yang dipilih. Hasil semakan dan naziran SPP, jelas menunjukkan keadaan ini berlaku berpunca daripada perakuan Ketua Jabatan selaku "Pengguna" terakhir melalui Sistem ePROPER **tidak tepat dan bercanggah dengan opsyen yang dibuat oleh pegawai dalam Borang Opsyen bagi Skim KWSP (Jadual Kelima)**. Tindakan Ketua Jabatan boleh dianggap tidak mematuhi perenggan 10(v) kepada Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bilangan 5 Tahun 2018 – Pelaksanaan Sistem ePROPER iaitu Ketua Jabatan hendaklah memastikan maklumat yang dimasukkan ke dalam Sistem ePROPER adalah tepat berdasarkan dokumen pegawai.

5. Sehubungan dengan itu, kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan adalah dipohon supaya **memastikan perakuan PDP berserta pemilihan opsyen Skim KWSP yang dikemukakan melalui Sistem ePROPER tepat dan selaras dengan pilihan opsyen yang telah dibuat oleh pegawai melalui Borang Opsyen bagi Skim KWSP (Jadual Kelima)**. Pihak YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan perlu memanjangkan arahan ini kepada pengguna Sistem ePROPER yang diberi tanggungjawab ini iaitu Penyedia, Penyemak dan Peraku. Semoga dengan tindakan ini, YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan mahupun Suruhanjaya ini dapat mematuhi Perenggan 6(vii), Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 15 Tahun 2001 - Tawaran Opsyen Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja—menyatakan bahawa opsyen yang telah dibuat oleh seseorang pegawai adalah muktamad.

6. Bagi mengelakkan perkara ini berulang lagi pada masa akan datang, SPP sedang mengkaji keperluan untuk mengenakan tindakan tatatertib terhadap mana-mana Pengguna termasuk Ketua Jabatan yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang dinyatakan dalam Peraturan 4 [Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993] iaitu:

(2) Seseorang pegawai tidak boleh :

(g) tidak bertanggungjawab;

(j) cuai dalam melaksanakan tugas-tugasnya.

7. Perhatian dan kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan berhubung perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**

Saya yang menjalankan amanah,

  
(DATUK ABU BAKAR BIN IDRIS)